

Hukuman gagal pulihkan penagih, hanya sesakkan, tambah kos penjara

Pinda undang-undang dadah lapuk

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bukan sahaja lapuk dan ketinggalan zaman, malah, ia dilihat masih gagal menangani isu penagihan dadah di negara ini selama lebih 70 tahun.

Dua peruntukan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu Seksyen 15 (mengambil dadah) dan 39C (kesalahan berulang) yang membabitkan pertuduhan mengambil dadah masih dilihat berbentuk hukuman dan bukannya membawa keluar penagih daripada penjara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Agung Majlis Penggunaan Bahan Terlarang (MASAC), Raja Azizan Suhaini Raja Abd. Latiff berkata, men-jurus kepada menghukum dan menyumbat penagih ke penjara menyebabkan dua pertiga dalam penjara terdiri dalam kalangan banduan penyalahgunaan dadah.

Jelasnya, kelemahan itu meletakkan Malaysia ketinggalan berbanding Thailand, Indonesia



SEBAHAGIAN besar penghuni penjara di Malaysia terdiri dalam kalangan penagih dadah, sekali gus menyumbang kepada isu kesesakan dan juga kos pengurusan penjara yang tinggi. - GAMBAR HIASAN

dan Filipina untuk menghapuskan isu dadah apabila jumlah penagih di negara ini masih lima angka iaitu 20,313 kes meskipun menunjukkan trend penurunan dalam tempoh lima tahun dari

pada 30,027 sejak 2016. "Kita perlu tanya kepada kerajaan adakah masih mengklasakan penagih sebagai penjenayah sedangkan mereka merupakan pesakit yang perlu dipulihkan

segera. "Misalnya undang-undang seperti Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 masing-masing telah berusia 70 tahun dan 39 tahun masih berbentuk hukuman, tidak seiring peredaran zaman sedangkan dadah kini tidak seperti dahulu apabila kini muncul pula trend dadah sintetik.

"Misalnya Seksyen 15 Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu kesalahan mengambil dadah, sebaik sahaja disahkan positif, mereka ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Bagi yang kemampuan, mereka boleh bayar denda dan bagi tidak mampu, akhirnya dimasukkan ke penjara. Akhirnya sampai bila, isu tidak kesudahan," katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan 70 peratus atau 45,000 banduan yang meringkuk dalam penjara seluruh negara melibatkan pesalah jenayah kecil dan penyalahgunaan dadah sekali gus menuntut kerajaan melakukan langkah segera menangani ketagihan penggunaan bahan terlarang itu.

Bagaimanapun, Raja Azizan

Suhaini menambah, kesalahan pengedaran di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang menetapkan hukuman mati masih perlu dikekalkan kerana undang-undang itu penting untuk menangani tauke-tauke dadah yang menjadi punca bahan terlarang bermaharajalela.

Sebaliknya katanya, pendekatan pencegahan dilihat lebih penting berbanding hukuman sehingga ramai mengangap undang-undang keras selama ini masih gagal membendung kegiatan pengedaran dan penagihan dadah.

"Kita faham kerajaan tidak cukup tenaga untuk memulihkan penagihan dadah, namun, perlu libatkan NGO-NGO seperti kami untuk turun padang bertemu penagih. Masalahnya sekarang, NGO tidak dilibatkan sama dalam soal ini," katanya.

Beliau memberitahu, sebanyak 140 negara telah mengambil pendekatan kaunseling rakan sebaya untuk memulihkan penagih dadah dengan kerjasama NGO tetapi Malaysia masih meletakkan penagih sebagai penjenayah dan bukannya pesakit.